

TEKS UCAPAN
KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
BERSEMPENA DENGAN PERASMIAN MUCET
PADA 15 MAC 2008 BERTEMPAT HOTEL PUTRA PALACE, PERLIS.

Bismillah Hirrahman Nirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam
Sejahtera.

Y.Bhg Profesor Dato' Dr. Hj. Ismail b. Hj. Bakar, Naib Canselor Universiti
Universiti Tun Hussein Onn

Y.Bhg Datuk Prof. Ir . Ismail bin Hassan, Naib Canselor Universiti
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Y.Bhg Profesor Dato' Dr. Mohamed Said Bin Mat Lela, Naib Canselor
Universiti Universiti Malaysia Pahang

Y.Bhg Lt. Jen. Dato' Ir. Ismail bin Samion, Naib Canselor Universiti
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Prof Ciaran O Cathain, President, Athlone Institute of Technology

Prof Gabriel Crean, Vice President for Research, Athlone Institute of
Technology

Tn Hj Wan Abdullah Wan Sulong, Manager Product Development, Proton

Y.Bhg. Timbalan – Timbalan Naib Canselor IPTA Atau Wakil.

Dif – Dif Kehormat.

Pegawai-Pegawai Utama Universiti.

Dekan – Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan.

Wakil-Wakil Media.

Peserta-Peserta persidangan sekalian

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana atas limpah rahmat-Nya kita dapat bersama-sama pada majlis perasmian persidangan 'Malaysian Technical Universities Conference in Engineering and Technology (MUCET)' yang bermakna ini. Dalam kesempatan ini, saya ingin mengalu-alukan Naib-naib Canselor dari Universiti Tun Hussein Onn, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Malaysia Pahang dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia di atas kesudian menghadirkan diri ke persidangan ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada kepada semua pembentang kertas kerja kerana sudi meluangkan masa untuk berkongsi pandangan dan pengalaman dalam persidangan ini.

Tidak lupa juga, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pembentang kertas kerja jemputan, Tn Hj Wan Abdullah Wan Sulong, Manager Product Development, Proton yang telah berkongsi dengan kita pengetahuan dan kepakaran beliau dalam '*Automotive Manufacturing*' dalam pembentangan kertas kerja jemputan beliau pagi tadi.

It is also my pleasure to welcome our guest from Ireland, Prof Ciaran O Cathain, President, Athlone Institute of Technology and Prof Gabriel Crean Vice President for Research, Athlone Institute of Technology to this 2nd conference on Engineering and Technology organized by the Malaysian Technical Universities Network (MTUN) comprising of UniMAP, UTHM, UTeM and UMP. I'm sure that with the presence of all four vice chancellors

of MTUN, the already existing collaboration between our organizations can be further enhanced. We look forward to a fruitful discussion with you during this two day conference.

The main purpose of this conference is to share research outcomes among the researchers and academic staff members of the four technical universities, especially in areas that are of interest to the industries. Apart from the major areas of manufacturing environment that include Product Design, Manufacturing Technology, Handling Systems, Manufacturing Support Systems and other areas of Engineering and Science, Emerging Technologies, Social Science and Management will also be discussed. The conference opens up avenues for bringing together experienced and young researchers in a stimulating exchange forum. It provides a strong platform for young entrants to interact with expert professionals and practitioners from various fields

This is an opportunity for all researchers and academic staff from the four technical universities to develop strong networking towards enhancing the quality of presently on-going researches..

Pada pagi ini, saya berasa amat bertuah kerana UniMAP berpeluang menganjurkan persidangan ini buat kali ke-2 dan dapat bersama-sama dengan semua wakil MTUN. Pada ingatan saya ini adalah adalah julung-julung kali seminar seumpama ini dianjurkan dengan berbagai-bagai pihak bersama-sama berkongsi pendapat dan pengalaman tentang satu idea yang penting yakni 'Ke arah Mewujudkan Kerjasama Universiti dan Industri'.

Hadirin dan hadirat sekalian

Persidangan ini membabitkan penyertaan daripada tenaga pengajar dan ahli akademik daripada empat buah universiti teknikal di Malaysia iaitu, Universiti Tun Hussein Onn, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Malaysia Pahang dan UniMAP sendiri. Tujuan persidangan ini diadakan adalah untuk merapatkan hubungan diantara kakitangan empat buah universiti terbabit yang masing-masing baru berusia setahun jagung.

Saya percaya persidangan ini merupakan satu pentas terbaik bagi kakitangan akademik dan industri untuk menimba ilmu dan berkongsi pengalaman kerana saya percaya menerusi persidangan ini juga kualiti penyelidikan dapat dinilai dari segi penerimaan masyarakat yang bermakna sebagai satu sumbangan kepada pembangunan tamadun manusia. Malah dapat membantu mengetengahkan idea dan hasil penyelidikan tenaga akademik untuk kegunaan industri dan masyarakat.

Persidangan itu juga bakal menyaksikan pembentangan 234 kertas kerja penyelidikan daripada universiti-universiti terlibat yang bertemakan 'Ke arah Mewujudkan Kerjasama Universiti dan Industri'. Tambahan lagi dua syarahan utama yang masing-masingnya telah disampaikan oleh wakil dari Athlone Institute of Tehnology, Ireland (AIT) dan Proton turut mengisi agenda persidangan ini.

Hadirin dan hadirat sekalian

Ingin saya tegaskan di sini bahawa hubungan dan kerjasama seumpama ini adalah sangat penting dan sesuai pada zaman sekarang memandangkan pembangunan perindustrian dan ekonomi negara kita berada di peringkat yang semakin berkembang. Malah setiap tahun jumlah barangan serta nilai eksport Malaysia semakin berkembang.

Secara tidak langsung perkembangan ini juga menandakan bahawa Universiti dan Industri telah memainkan peranan yang sangat berkesan dalam konteks pembangunan ekonomi negara.

Jaringan seumpama ini juga dilihat dapat membantu memantapkan rantaian antara universiti dan industri supaya universiti dilihat berupaya menghasilkan penyelidikan yang mampu mempelbagaikan produk negara supaya kita sentiasa dilihat berupaya untuk berdaya saing dengan lain-lain negara yang relatifnya maju. Kepelbagaian produk ini akan membantu kita mengelak daripada terlalu bergantung kepada komoditi utama negara dalam memacu ekonomi negara.

Hadirin dan hadirat sekalian

Universiti mempunyai ramai ahli sains atau penyelidik yang terlatih dan layak serta mahir dengan pendekatan terhadap R & D. Kerajaan telah memberi bantuan yang merupakan 'grant' sebagai galakan kepada R & D untuk menghasilkan kajian yang mampu memberi manfaat serta faedah kepada semua pihak. Saban tahun peruntukan untuk penyelidikan sentiasa meningkat, ditambah pula dengan pelbagai insentif diperkenalkan supaya usaha-usaha penyelidikan berkembang serta dijadikan budaya dalam negara khususnya dalam kalangan bijak pandai di universiti.

Hasil dari R & D, penyelidik dapat mencipta beratus ribu barangan, reka bentuk, bahan-bahan baru, alat-alat dan lain-lain lagi yang mencabar ciptaan masa lampau. Misalnya jika dahulu bijih timah adalah penting untuk bungkusan makanan, sekarang bungkusan dari aluminium, gelas, kertas, plastik dan lain-lain telah mengganti timah dengan kos, kualiti dan sifat-sifat atau 'properties' yang lebih baik.

Kejayaan sesebuah industri dan negara jelas bergantung kepada R & D yang boleh mengurangkan kos dan meningkatkan 'demand'. R & D adalah penting bagi seluruh industri dan pengurusan serta pekerja harus faham akan pentingnya R & D ini untuk semua pihak, termasuklah rakyat dan negara kerana jika kita berjaya hasil negara dan hasil Kerajaan akan meningkat dan semua pihak akan mendapat nikmat daripadanya.

Menyedari akan keperluan ini maka universiti dan industri perlu berfikir secara lateral dengan melontar dan mencipta pelbagai idea baru serta diterjemahkan menjadi barangan keperluan pengguna bersifat global. Cabaran pula ialah bagaimana menjual barangan tersebut. Hasil penyelidikan yang tidak ditukar menjadi barangan pengguna dilihat tidak mempunyai nilai komersial, ini sudah tentu tidak membawa sebarang keuntungan sama ada dalam konteks mikro atau makro ekonomi. Tanpa proses tersebut maka hasil-hasil penyelidikan tersebut akan sentiasa disifatkan sebagai “Dokumen Akademik” yang layaknya di rak-rak buku semata-mata. Kalau ini berlaku maka alangkah ruginya negara serta pihak-pihak yang membiayai penyelidikan kerana akhirnya hasil penyelidikan tidak sampai ke mana-mana.

Akhir kata persidangan ini amatlah penting bagi kita untuk memperjelaskan hasrat, matlamat, imej dan peranan institusi pengajian tinggi khasnya, dalam membantu negara untuk menjadi sebuah negara maju kelak kerana universiti menjadi penjana modal insan dan intelektual yang diperlukan oleh negara. Walaupun pelbagai bentuk kerjasama telah dijalinkan di antara universiti dan industri namun kejayaan yang akan dicapai adalah bergantung sepenuhnya kepada tuan-tuan dan puan-puan. Sekiranya penglibatan tuan-tuan sebagai peserta persidangan ini sentiasa mengambil peluang dan kesempatan terhadap aktiviti-aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan oleh pihak-

pihak berkenaan saya penuh yakin dengan berbekal semangat yang waja dan pengetahuan yang mencukupi segala apa yang kita rancangkan, insyallah akan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Dengan lafaz bismillah..... saya dengan ini merasmikan persidangan “Malaysian Technical Universities Conference in Engineering and Technology 2008”.